

Peraturan Kejatuhan dan Kebangkitan Masyarakat Menurut Al-Quran dan Perkaitannya dengan Hukum Sebab-Musabab dalam Ilmu Usul Fiqh

Mansor Sulaiman

*Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang,
MALAYSIA.*

Article Information

Received 12 September 2014
Received in revised form 16 May 2015
Accepted 12 October 2015

Abstrak

Tulisan ini akan merungkai peraturan di sebalik kebangkitan dan kejatuhan masyarakat manusia sepertimana yang dipaparkan dalam al-Quran. Peraturan tersebut dikenali sebagai peraturan sebab dan musabab, sama sepertimana yang ditemui dalam ilmu usul fiqh. Oleh kerana itu, tulisan ini akan turut menjelaskan perkaitan antara kedua-dua konsep daripada dua laras yang berbeza ini. Menerusi pengetahuan berkaitan perkaitan ini ia dapat membantu dalam mengenalpasti perkara-perkara asas di sebalik perjalanan kebangkitan dan kejatuhan sesebuah masyarakat dengan lebih terperinci. Ia secara tidak langsung dapat membantu dalam merungkai keperluan dalam usaha membangunkan masyarakat dan mengelakkan kejatuhan khususnya dalam konteks pembinaan masyarakat Malaysia hari ini.

*Kata Kunci :*Al-Quran, Kebangkitan Masyarakat, Kejatuhan Masyarakat, Sebab Musabab

PENDAHULUAN

Kejatuhan dan kebangkitan sesebuah masyarakat merupakan suatu yang berlaku sepanjang zaman. Sejarah menunjukkan tiada masyarakat atau kerajaan yang sentiasa berada dalam keadaan kebangkitan, begitu juga sebaliknya. Oleh kerana itu, terdapat pelbagai teori dikemukakan sarjana di sebalik fenomena ini. Antara teori tersebut adalah seperti teori Ibnu Khaldun yang mengaitkan sebab-sebab tertentu di sebalik kejatuhan dan kebangkitan sesebuah tamadun (M. Kamil Ab. Majid & M. Fauzi Hamat, 2006). Perkara yang sama turut dibincangkan dalam teori-teori yang dikemukakan oleh Malek Bennabi (Haishur, 1997), Arnold Toynbee (Abud, 1981) dan sebagainya. Berhubung perkara ini, al-Quran turut menjelaskan perkara ini serta menunjukkan bahawa kejatuhan dan kebangkitan sesebuah masyarakat bukanlah berlaku secara spontan, bahkan terdapat suatu peraturan yang ditentukan Allah di sebalik segala peristiwa tersebut. Peraturan ini secara umumnya berdiri di atas asas peraturan sebab dan musabab yang antara lainnya mengaitkan setiap sesuatu berlaku dengan sebab-sebab tertentu. Justeru tulisan ini akan mengupas perkara ini dengan menjadikan hukum sebab dan musabab dalam ilmu Usul Fiqh sebagai panduan perbincangan seterusnya.